

**Tony Pua Hanya Ingin Jadikan KLIA2 Isu Politik, Kata Kong
Bernama
21 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata Anggota Parlimen Petaling Jaya Utara dan Ketua Publisiti DAP Tony Pua sepatutnya mengajukan soalan tentang pembinaan KLIA2 kepada Malaysia Airport Holdings Berhad, bukan menuduh beliau cuba menyembunyikan sesuatu.

"Tiada apa yang hendak saya sembunyikan. Segala apa yang saya tahu, semuanya dibekalkan oleh MAHB. Ia sebuah syarikat senaraian awam, mempunyai lembaga pengarah sendiri, bertanggungjawab kepada pemegang sahamnya dan Suruhanjaya Sekuriti. Ia juga membiayai projek itu.

"Malah, MAHB menyiarkan maklumat tentang projek itu dalam laman webnya. Ia juga menyiarkan surat berkaitan projek berkenaan antara pihaknya dengan syarikat penerbangan. Perkara ini telah dijelaskannya sebelum ini. Sekiranya beliau masih tidak berpuas hati, silalah tanya mereka sekali lagi," kata beliau kepada Bernama.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654007>